

16 APR 2003

PAKISTAN-PELABURAN/I

PAKISTAN PELAWA PELABURAN DARI SYARIKAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Pakistan menawarkan pelbagai insentif dan persekitaran perniagaan yang baik untuk pelabur asing terutamanya dari Malaysia, kata Menteri Persekutuan bagi Industri dan Pengeluaran, Liaqat Ali Jatoi.

"Kami juga telah mengadakan dasar yang dapat diterima pelabur dan kami bekerja keras untuk menjadikan tawaran kami lebih menarik," katanya pada sidang media selepas memberi taklimat kepada beberapa pelabur tempatan mengenai "Insentif Pelaburan dan Peluang Perniagaan di Pakistan" di Wisma FMM di sini hari ini.

Selain daripada faktor geografi yang menjadikannya sebagai pintu masuk ke negara-negara di Timur Tengah, Asia Tengah dan Asia, Pakistan juga mempunyai tanah dan sumber asli yang banyak, menawarkan kos pengeluaran yang rendah, tenaga manusia terlatih dan kos yang rendah serta zon memproses eksport yang mencukupi bagi pelabur, katanya.

Tarikan lain termasuk kawasan perindustrian, kelulusan segera bagi pendaftaran pelaburan dan pengurangan tarif bagi beberapa bahan mentah.

Sesi taklimat berkenaan dianjurkan oleh Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia.

Pesuruhjaya Tinggi Pakistan ke Malaysia, Nasim Rana, menjadi tetamu pada acara berkenaan.

Liaqat berkata Amerika Syarikat menguasai 51 peratus pelaburan asing di negara itu diikuti dengan United Kingdom pada 25 peratus.

Sementara itu, pelaburan Malaysia-Pakistan dalam masa tiga tahun kebelakangan ini adalah pada purata AS\$50 juta hingga AS\$55 juta dengan pelaburan utama Malaysia dalam negara ialah sektor minyak dan gas, kuasa, telekomunikasi, pembinaan dan pengurusan sisa buangan.

Liaqat berkata penduduk dan pemimpin kedua-dua negara, Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Pakistan Jeneral Pervez Musharraf juga mempunyai hubungan yang baik.

Sementara itu Presiden FMM, Datuk Mustapha Mansur berkata Pakistan menawarkan banyak potensi bagi pelaburan disebabkan oleh hubungan baiknya dengan kebanyakan negara Timur Tengah.

Beliau berkata negara itu juga merupakan pintu masuk yang ideal bagi para pelabur untuk melabur di negara lain di Timur Tengah dan Asia Tengah.

Tahun lepas, jumlah import Malaysia dari Pakistan berjumlah RM208 juta, mencerminkan peningkatan sebanyak 25 peratus daripada RM166.5 juta pada tahun sebelumnya. Barangan import utama ialah makanan dan barang pembuatan.

Sementara itu, eksport barangan Malaysia bernilai RM1,999 juta ke Pakistan pada 2002, menunjukkan peningkatan sebanyak 30 peratus berbanding dengan RM1,523 juta pada 2001. Kategori utama barangan eksport ialah minyak haiwan dan sayur-sayuran, kimia, peralatan mesin dan pengangkutan. --

BERNAMA

AZH SD NHD